

POLISI INSURANS PERFECT 10 PLUS

BAHAWASANYA Pemegang Polisi, menerusi permohonan dan perakuan sebagai sebahagian daripadanya, telah memohon kepada AmGeneral Insurance Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk insurans yang terkandung seterusnya dan telah membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi sebagai pertimbangan untuk insurans sedemikian bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

MAKA POLISI INI MEMPERSAKSIKAN: Bahawa tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Polisi ini atau diendorskan selain dinyatakan di sini kemudiannya, Syarikat akan membayar pampasan kepada Pemegang Polisi secara dan setakat yang dinyatakan.

SYARIKAT INSURANS dengan ini bersetuju dengan Pihak Diinsuranskan jika pada bila-bila masa ketika Tempoh Insurans atau semasa mana-mana tempoh yang berikutnya yang mana Pihak Diinsuranskan telah membayar dan Syarikat insurans telah bersetuju menerima premium, di mana Pihak diinsuranskan mengalami sebarang kecederaan anggota badan disebabkan oleh **KEMALANGAN LUARAN YANG SERIUS DAN NYATA YANG TERJADI SECARA TUNGGAL DAN LANGSUNG TANPA KEJADIAN LAIN** menyebabkan kematian atau hilang upaya kepada Pihak Diinsuranskan, Syarikat akan membayar kepada Pihak Diinsuranskan atau wakil sah Pihak Diinsuranskan sejumlah pampasan sepertimana dinyatakan di dalam Jadual dan mengikut Jadual Faedah yang disediakan dalam Polisi ini.

DEFINISI

1. Syarikat / Kami bermaksud AmGeneral Insurance Berhad.
2. Tarikh Kuatkuasa Insurans bermaksud tarikh di mana insurans bawah Polisi ini bermula, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.
3. Tarikh Ulang Tahun Polisi merujuk kepada tarikh yang sama setiap tahun mengikut tarikh kuatkuasa Polisi.
4. Jadual bermaksud dokumen yang dilampirkan dan menjadi sebahagian daripada Polisi yang memberi butiran tentang Pihak Diinsuranskan, sebarang terma dan syarat yang khusus untuk kontrak insurans ini.
5. Pemegang Polisi bermaksud Polisi dikeluarkan untuk beliau berkenaan dengan perlindungan untuk Pihak yang diinsuranskan seperti tercatat dalam Polisi.
6. Pihak Diinsuranskan/Kamu/Anda bermaksud orang-orang yang dinyatakan di dalam jadual polisi/sijil insurans/endorsemen sebagai orang yang diinsuranskan. Di bawah pelan Keluarga, Syarikat melindungi anda, 1 suami/isteri yang sah dan anak-anak anda daripada 1 suami/isteri yang sah berumur dari 30 hari sehingga 18 tahun atau sehingga 23 tahun jika sedang menuntut sepenuh masa di Institusi Pengajian Tinggi.
7. Pengamal Perubatan bermaksud pakar perubatan atau Pengamal Perubatan Tradisional yang berkecualan dan berdaftar untuk mengamalkan perubatan, rawatan dan pembedahan yang diluluskan di kawasan geografi di mana mereka beroperasi, kecuali pakar perubatan atau pengamal perubatan yang merupakan Pihak Diinsuranskan itu sendiri, atau pasangan atau waris terdekat Pihak Diinsuranskan.
8. Hospital bermaksud sebarang institusi yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan atau sebarang badan yang berkenaan dan dijalankan secara sah untuk menjaga dan memberikan rawatan kepada orang yang cedera dengan

kelengkapan yang teratur untuk diagnostik dan pembedahan, mempunyai khidmat 24 jam jagaan jururawat yang berkelayakan dan berdaftar dan penyeliaan perubatan, tetapi tidak merangkumi sebarang institusi yang diusahakan semata-mata sebagai rumah jagaan, intitusi mental, atau tempat penjagaan atau pemulihan penagih dadah atau alkohol atau jagaan orang tua atau institusi yang seumpamanya.

9. Kehilangan Penglihatan bermaksud kehilangan seluruh penglihatan secara penuh dan menjadikan Pihak Diinsuranskan buta sepenuhnya tanpa boleh diubahi melalui pembedahan atau rawatan.
10. Hilang Upaya Menyeluruh bermaksud hilang upaya fizikal akibat kecederaan yang berlaku dalam tempoh 12 kalendar bulan daripada tarikh kemalangan, Pihak Diinsuranskan hilang upaya secara keseluruhan berterusan dan kekal dan tidak boleh melakukan 3 atau lebih Aktiviti-aktiviti Kehidupan Harian seperti dalam definisi dan aktiviti-aktiviti kehidupan harian yang boleh dilakukan oleh beliau jika hilang upaya tersebut tidak berlaku.
11. Aktiviti-aktiviti Kehidupan Harian seperti yang dinyatakan dalam Polisi ini membawa maksud berikut:
 - a) Pemindahan : Duduk dan bangun dari sebuah kerusi tanpa sebarang bantuan fizikal.
 - b) Mobiliti: Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik lain tanpa sebarang bantuan fizikal.
 - c) Pengawalan diri : Keupayaan untuk mengawal fungsi buang air besar dan pundi kencing
 - d) Memakai pakaian : Memakai atau menanggalkan semua pakaian tanpa bantuan orang lain.
 - e) Mandi / Mencuci : Keupayaan untuk mandi di dalam bilik air (termasuk memasuki atau keluar dari bilik mandi) atau mencuci dengan cara-cara lain.

PERUNTUKAN KHAS

1. Tiada pembayaran yang dinyatakan dalam Jadual akan dibuat:
 - a) bawah Faedah 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) melainkan kematian atau hilang upaya berlaku dalam masa dua belas (12) kalendar bulan dari tarikh kemalangan.
 - b) bawah Faedah 3 (Perbelanjaan Perubatan) sekiranya rawatan perubatan tidak diberikan oleh pengamal perubatan.
 - c) bawah Faedah 4 (Pendapatan Hospital) dan Faedah 7 (Pendapatan Hospital Berganda) melainkan jika setiap kemasukan hospital adalah minima 8 jam berturut-turut dan kemasukan hospital tersebut berlaku dalam tempoh 14 hari dari tarikh kemalangan.
 - d) sehingga jumlah penuh pampasan ditentukan dan dipersetujui.
2. Berkenaan dengan Faedah 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal), agregat semua peratus yang boleh dibayar berkaitan dengan mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% daripada jumlah diinsuranskan termasuk jumlah insurans tambahan melalui bonus pembaharuan. Jika keadaan di mana jumlah diinsuranskan maksima telah dibayar kepada orang yang diinsuranskan, semua insurans yang terkandung di dalam Polisi ini tidak berkuatkuasa dengan serta-merta. Semua kerugian di bawah Faedah 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) kurang daripada jumlah perlindungan maksima jika telah dibayar akan mengurangkan perlindungan di bawah Faedah 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) mengikut jumlah tersebut mulai dari tarikh kemalangan sehingga tamat tempoh Polisi.

AmGeneral Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Ahli Kumpulan AmBank

Menara Shell, No. 211, Jalan Tun Sambanthan, 50470, Kuala Lumpur, Malaysia. Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1 800 88 3833 Emel: customer@kurnia.com Laman Web: www.kurnia.com

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

POLISI INSURANS PERFECT 10 PLUS

3. Di bawah Pelan Keluarga, suami/isteri anda menerima jumlah faedah seperti anda (Pemegang Polisi) dan setiap anak anda akan menerima sehingga 20% jumlah faedah anda.

JADUAL FAEDAH

KETERANGAN FAEDAH	PAMPASAN Peratus (%) daripada Jumlah Diinsuranskan
1. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN (berlaku dalam tempoh 12 kalender bulan dari tarikh kemalangan)	100
2. HILANG UPAYA KEKAL (berlaku dalam tempoh 12 kalender bulan dari tarikh kemalangan) menyebabkan:	
a) Hilang upaya kekal menyeluruh	100
b) Lumpuh keseluruhan atau kekal terlantar sakit di katil	100
c) Kehilangan	
i) satu tangan atau lengan	100
ii) satu kaki atau satu kaki sehingga paha	100
iii) pandangan sebelah mata atau kedua-dua mata	100
d) Kehilangan	
i) pendengaran kedua-dua belah telinga	75
ii) pendengaran sebelah telinga	15
iii) keupayaan bertutur	50
e) Kehilangan	
i) empat jari dan ibu jari sebelah tangan	50
ii) empat jari sebelah tangan	40
f) Kehilangan	
- ibu jari	25
- satu falanks	10
g) Kehilangan	
- tiga falanks	10
- dua falanks	8
- satu falanks	4
h) Kehilangan	
- tiga falanks	6
- dua falanks	4
- satu falanks	2
i) Kehilangan	
- tiga falanks	5
- dua falanks	4
- satu falanks	2
j) Kehilangan	
- tiga falanks	4
- dua falanks	3
- satu falanks	2
k) Kehilangan	
- kesemua pada sebelah kaki	15
- ibu jari, kedua-dua falanks	5
- ibu jari, satu falanks	2
- Selain ibu jari, jika lebih daripada satu jari hilang, setiap satu	1

Kehilangan fungsi anggota sepenuhnya akan dianggap sebagai kehilangan anggota tersebut. Di mana sebarang kecacatan separa kekal yang tidak dinyatakan di atas selain daripada deria rasa atau bau, Syarikat akan menggunakan peratus kecacatan yang mengikut pendapat para penasihat perubatan Syarikat konsisten dengan peruntukan di atas dan tanpa mengambil kira pekerjaan Pihak Diinsuranskan.

Bonus Pembaharuan: Jika tiada tuntutan dibuat ke atas faedah Hilang Upaya Kekal di dalam Polisi ini, jumlah diinsuranskan untuk Faedah 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) akan bertambah 25% secara automatik daripada Jumlah Diinsuranskan Asas setiap tahun pada setiap pembaharuan (sekiranya Polisi tidak luput dan diperbaharui setiap tahun) sehingga maksima 50% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas. Sekiranya terdapat tuntutan terhadap Hilang Upaya Kekal oleh orang yang diinsuranskan, semua jumlah bonus pembaharuan yang diberikan untuk beliau akan ditarik balik dan pengiraan untuk bonus pembaharuan masa hadapan akan bermula baru dari tarikh pembaharuan berikut 25% setiap tahun sehingga maksima 50% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas.

Pelan Keluarga: Bonus pembaharuan yang diberi adalah berdasarkan setiap orang yang diinsuranskan dan tidak akan mempengaruhi bonus pembaharuan orang yang diinsuranskan lain di bawah pelan keluarga.

3. PERBELANJAAN PERUBATAN

Syarikat akan membayar pampasan kepada Pihak Diinsuranskan untuk perbelanjaan perubatan yang berkenaan untuk beliau akibat kemalangan atau oleh sebab Denggi, Malaria atau Chikungunya sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual setiap kemalangan / kejadian. Perbelanjaan Perubatan disebabkan oleh keracunan makanan akan dibayar sekiranya Pihak Diinsuranskan diwadkan di hospital untuk minimum 8 jam berturut-turut. Perbelanjaan Perubatan termasuk Perbelanjaan berkenaan untuk hospital (termasuk bilik dan penginapan), klinikal, rawatan perubatan dan pembedahan, khidmat rundingan doctor, x-ray, ujian makmal, laporan perubatan sehingga RM80.00, cukai kerajaan/perkhidmatan dan rawatan tradisional (termasuk ubat) sehingga RM30 setiap lawatan dan maksima RM300 setiap kemalangan/kejadian.

4. PENDAPATAN HOSPITAL

Syarikat akan membayar faedah mingguan seperti dinyatakan dalam Jadual untuk jangkamasa Pihak Diinsuranskan diwadkan dalam hospital (pengecualian Pihak Diinsuranskan diwadkan dalam unit rawatan kecemasan) diakibatkan oleh kecederaan anggota badan sehingga had maksima 52 minggu setiap kemalangan. Setiap kemasukan hospital yang berpunca daripada kemalangan yang sama adalah dianggap sebagai 1 kemalangan. Syarikat akan membayar faedah mingguan berganda jika Pihak Diinsuranskan diwadkan di hospital luar negara akibat kecederaan anggota badan (ketika di luar negara).

5. LIABILITI DIRI

Syarikat akan membayar pampasan kepada Pihak Diinsuranskan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual setiap satu kemalangan dan setiap tempoh insurans. Had kawasan faedah ini adalah seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat dan Kanada.

a) Segala jumlah yang Pihak Diinsuranskan patut bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk membuat bayaran pampasan seperti berikut:

- i) kecederaan anggota badan kepada pihak ketiga akibat kemalangan.
- ii) kerosakan harta benda kepada pihak ketiga akibat kemalangan.

b) Semua kos dan perbelanjaan perundangan:

- i) yang dituntut semula daripada Pihak Diinsuranskan oleh sesiapa yang menuntut.
- ii) ditanggung dengan persetujuan bertulis daripada Syarikat.

POLISI INSURANS PERFECT 10 PLUS

6. ELAUN PENGEBUMIAN

Syarikat akan membayar mengikut had yang dinyatakan dalam Jadual kepada waris atau wakil sah Pihak Diinsuranskan selepas tuntutan sah di bawah Faedah 1 (Kematian Akibat Kemalangan).

7. PENDAPATAN HOSPITAL BERGANDA

Syarikat akan membayar mengikut had yang dinyatakan dalam Jadual untuk jangka masa Pihak Diinsuranskan diwadkan di unit rawatan kecemasan untuk kecederaan anggota akibat kemalangan sehingga had maksima 26 minggu setiap kemalangan. Setiap kemasukan ke unit rawatan kecemasan akibat kemalangan yang sama dianggap sebagai 1 kemalangan.

8. PERLINDUNGAN KEWANGAN

Setelah disahkan oleh pengamal perubatan bahawa Pihak Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Kekal Menyeluruh akibat kemalangan, Syarikat akan membayar jumlah bayaran tertunggak bil kad kredit dan/atau pinjaman perumahan dan/atau pinjaman kenderaan di dalam penyata terkini, kecuali faedah dikenakan sebelum tarikh kemalangan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual. Faedah ini akan dibayar kepada waris atau wakil sah Pihak Diinsuranskan. Pihak bank atau pihak yang berkenaan harus sahkan penyata untuk baki tertunggak tersebut.

9. PERLINDUNGAN PENCULIKAN

Syarikat akan membayar sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual bagi setiap kejadian untuk perbelanjaan termasuk wang tebusan yang dituntut oleh penculik/ganjaran yang dibayar oleh keluarga Pihak Diinsuranskan untuk informasi yang membawa kepada penemuan Pihak Diinsuranskan dengan syarat Pihak Diinsuranskan masih hidup pada masa penemuan. Bayaran untuk wang tebusan/ganjaran adalah tertakluk kepada penyiasatan dan pengesahan oleh pihak polis. Jumlah Diinsuranskan adalah dibayar penuh sekiranya Pihak Diinsuranskan tidak ditemui selepas tempoh 1 tahun dari tarikh penculikan.

10. FAEDAH TAMBAHAN UNTUK KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN ATAU HILANG UPAYA KEKAL MENYELURUH DISEBABKAN OLEH ROMPAKAN DAN/ATAU KEJADIAN RAGUT

Syarikat akan membayar sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual jika Pihak Diinsuranskan mengalami kematian akibat kemalangan atau Hilang Upaya Kekal Menyeluruh akibat rompak dan/atau ragut. Faedah ini akan dibayar jika laporan polis dibuat dalam masa secepat mungkin selepas kejadian.

11. KEMATIAN DISEBABKAN OLEH BENCANA SEMULAJADI

Syarikat akan membayar kepada waris atau wakil sah Pihak Diinsuranskan tambahan 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas untuk faedah Kematian Akibat Kemalangan (tidak termasuk bonus pembaharuan) seperti yang dinyatakan dalam Jadual jika Pihak Diinsuranskan mengalami Kematian Akibat Kemalangan akibat "Bencana Semulajadi" yang dilindungi oleh Polisi ini.

12. BANTUAN PEMINDAHAN PERUBATAN DAN PENGHANTARAN PULANG UNTUK RAWATAN PERUBATAN KETIKA ANDA BERADA DI LUAR NEGARA

Syarikat akan menguruskan dan membayar untuk perbelanjaan berkenaan yang dikenakan ke atas Pihak Diinsuranskan untuk pemindahan kecemasan dan rawatan perubatan semasa dalam perjalanan untuk memindahkan Pihak Diinsuranskan yang mengalami keadaan perubatan yang kritikal akibat kemalangan ketika di luar negara /

luar dari Malaysia dari hospital yang pertama sekali diwadkan ke hospital terdekat di mana rawatan dan penjagaan sepatutnya diperolehi. Jika kejadian di mana Pihak Diinsuranskan mengalami kecederaan di luar negara dan adalah perlu untuk menghantar Pihak Diinsuranskan pulang ke Malaysia untuk rawatan lanjutan, Syarikat akan menguruskan atau membayar kos yang munasabah dan berkenaan untuk penghantaran pulang termasuk kos tambang yang munasabah untuk seorang pembantu perubatan yang berkelayakan untuk menemani Pihak Diinsuranskan. Syarikat akan membayar sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual dan tertakluk kepada peruntukan, pengecualian dan syarat-syarat di dalam Polisi.

Syarikat telah melantik Asia Assistance Network (M) Sdn Bhd (AAN) sebagai pemberi khidmat 24 jam untuk Bantuan Pemin-dahan Perubatan dan Penghantaran Pulang ketika anda berada di luar negara / luar dari Malaysia. Selain itu, anda boleh juga menghubungi AAN untuk nasihat perubatan melalui telefon, rujukan penyelia perkhidmatan perubatan dan inokulasi dan informasi tentang keperluan visa sebelum perjalanan.

Jika berlaku kejadian pemindahan perubatan dan penghantaran pulang untuk rawatan, Pihak Diinsuranskan mesti menghubungi AAN pada no. **+603 78415750 / +603 76283770** untuk bantuan dan

- Syarikat atas nasihat AAN dalam melaksanakan peminda-han kecemasan dan penghantaran pulang kedua-dua pihak mempunyai hak mutlak untuk membuat keputusan sama ada ketidakupayaan Pihak Yang Diinsuranskan akibat Kemalangan adalah cukup serius untuk mewajarkan pemindahan perubatan dan penghantaran pulang sedemikian. Syarikat dan AAN selanjutnya berhak untuk memutuskan tempat ke mana Pihak Yang Diinsuranskan akan dipindahkan dan cara atau kaedah pengangkutan dan penghantaran pulang yang akan digunakan.
- Syarikat, melalui AAN akan sedaya upaya atas dasar usaha terbaik menyediakan perkhidmatan dan tertakluk kepada ketersediaan sumber tempatan dan / atau antarabangsa dan mestilah dalam bidang undang-undang dan peraturan negara dan antarabangsa. Campur tangan mungkin bergantung kepada AAN dalam mendapatkan kebenaran yang perlu dikeluarkan oleh beberapa pihak berkuasa berkaitan yang berada di luar kawalan atau pengaruh AAN.
- Syarikat tidak boleh menyediakan perkhidmatan kepada Orang Yang Diinsuranskan, yang pada pendapat mutlak Syarikat dan AAN terletak di kawasan-kawasan di mana keadaan semasanya memustahilkan perkhidmatan diberi, agak tidak sesuai dilaksanakan atau tidak selamat, termasuk tetapi tidak terbatas kepada lokasi geografi terpencil, keadaan cuaca yang buruk, risiko peperangan atau pergolakan politik.
- Syarikat tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan dalam apa cara sekalipun sekiranya berlaku sebarang kegagalan oleh AAN untuk memberikan perkhidmatan atau apa-apa kecuaihan, yang disengajakan atau tidak disengaja-kan di pihak AAN dalam memberikan perkhidmatan.
- dalam hal penyedia perkhidmatan berhenti untuk menyediakan perkhidmatan, Syarikat berhak untuk melantik penyedia perkhidmatan lain bagi menyambung penyediaan perkhidmatan berkenaan.
- manfaat ini tidak dijamin dan Syarikat berhak untuk menyemak semula, menggantung, memansuhkan atau membatalkan faedah ini pada bila-bila masa dengan menghantar notis bertulis yang sama kepada Pihak Yang Diinsuranskan di alamat beliau yang terakhir diketahui sebagaimana yang dimaklumkan kepada Syarikat. Dalam keadaan sedemikian, premium akan diselaraskan dengan sewajarnya, sekiranya difikirkan perlu oleh Syarikat.

13. YURAN AMBULAN

Syarikat akan membayar balik yuran ambulan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual setiap kemalangan untuk perkhidmatan pengangkutan ambulan untuk pergi ke hospital tempatan.

POLISI INSURANS PERFECT 10 PLUS

FASAL

MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Pihak Diinsuranskan akibat Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam yang secara langsung diakibatkan oleh:

- Tindakan mana-mana individu mengambil bahagian bersama orang lain dalam sebarang kekacauan terhadap ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat masuk kerja atau tidak).
- Tindakan oleh mana-mana pihak yang dilantik secara sah dalam menyekat atau cuba menyekat sebarang gangguan tersebut atau mengurangkan kesan daripada gangguan tersebut.
- Tindakan disengajakan oleh mana-mana pemogok atau pekerja sekatan masuk kerja yang dilakukan untuk melanjutkan mogok atau dalam menghalang sekat masuk kerja.
- Tindakan oleh mana-mana pihak yang dilantik secara sah dalam menghalang mana-mana tindakan tersebut atau dalam mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.

Seciranya sebarang tuntutan berikut dibuat, Pihak Diinsuranskan perlu membuktikan bahawa kecederaan tubuh badan tersebut terjadi secara bebas dan tidak berkait langsung dengan atau pada masa atau disumbangkan oleh atau boleh dijejaki kepada mana-mana kejadian tersebut atau sebarang bukti tersebut Syarikat tidak dipertanggungjawabkan untuk membuat apa-apa bayaran berkaitan tuntutan tersebut.

Dengan syarat bahawa berkaitan dengan lanjutan ini Pihak Diinsuranskan mendapat kecederaan tubuh badan seperti yang dijelaskan oleh Polisi ketika menjadi orang awam yang berada di tempat kejadian dan bukannya akibat daripada penyertaan aktif secara langsung atau tidak langsung dalam mogok, rusuhan atau kekecohan awam.

RAMPASAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Pihak Diinsuranskan akibat daripada rampasan sama ada semasa transit jalan darat sebagai penumpang yang memegang tiket atau semasa menaiki pesawat sebagai penumpang yang memegang tiket melalui laluan udara yang sedia wujud dalam pesawat jenis standard dengan lesen penuh yang dimiliki dan/atau diusahakan oleh Syarikat penerbangan yang diiktiraf ataupun sebagai penumpang berbayar di atas sebarang kapal laut yang digunakan untuk mengangkut penumpang.

KERACUNAN MAKANAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Pihak Diinsuranskan akibat daripada keracunan makanan yang tidak disengajakan atau kejadian lain yang seumpamanya, dengan atau tanpa sebarang tanda kecederaan luar atau keganasan yang nyata. Perbelanjaan perubatan akibat keracunan makanan akan dibayar jika Pihak Diinsuranskan diwadkan dalam hospital untuk minimum 8 jam berturut-turut.

MATI LEMAS

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya kepada Pihak Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di sini akibat daripada mati lemas, dengan atau tanpa sebarang tanda kecederaan luar atau keganasan yang nyata.

SUKAN AMATUR

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya yang berlaku semasa Pihak Diinsuranskan melibatkan diri dalam sukan luaran atau dalaman sebagai seorang amatur kecuali seperti yang dinyatakan di bawah pengecualian no. 3 dalam Pengecualian Khas.

PEMBUNUHAN DAN SERANGAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya yang disebabkan oleh serangan atau pembunuhan atau sebarang percubaan kepada Pihak Diinsuranskan dalam Jadual ini, kecuali kematian atau kecederaan badan ke atas Pihak Diinsuranskan semasa dia melakukan atau berhasrat melakukan perbuatan tersebut.

GIGITAN SERANGGA, ULAR, BINATANG PEROSAK DAN BINATANG

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk merangkumi kematian atau hilang upaya (pengecualian terhadap penyakit yang berpunca daripada gigitan serangga, ular, binatang perosak dan binatang). Walau bagaimanapun, polisi ini diperluaskan untuk melindungi perbelanjaan perubatan akibat Denggi, Malaria atau Chikungunya.

KEHILANGAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa jika selepas tempoh satu (1) tahun berakhir dan setelah Syarikat memeriksa semua bukti yang ada, serta tidak mempunyai alasan untuk membuat andaian lain selain satu kemalangan telah berlaku dan Mahkamah Undang-Undang telah mengesahkan bahawa Pihak Diinsuranskan itu telah hilang dan disahkan mati, maka kehilangan Pihak Diinsuranskan itu membentuk satu tuntutan di bawah Polisi ini.

Adalah seterusnya dipersetujui dan difahami bahawa jika pada bila-bila masa selepas pembayaran dibuat dan Pihak Diinsuranskan didapati masih hidup, mana-mana jumlah yang telah dibayar oleh Syarikat, hendaklah dipulangkan kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) kalendar hari dari tarikh penemuan.

SUKAN MUSIM SEJUK

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Pihak Diinsuranskan terhadap kematian atau hilang upaya semasa terlibat dalam aktiviti sukan musim sejuk sebagai pemain amatur.

BENCANA SEMULAJADI

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian atau hilang upaya ke atas Pihak Diinsuranskan disebabkan oleh gempa bumi, banjir, letupan gunung berapi, ombak gadang, kilat, angin ribut, hurikan, siklon, taufan, gelinciran tanah/tanah runtuh.

PENDEDAHAN KEPADA ELEMEN SEMULAJADI

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kecederaan tubuh yang disebabkan oleh dedahan kepada elemen semulajadi akibat daripada kemalangan yang dilindungi di bawah ini dengan syarat sekiranya berlaku kematian ke atas Pihak Diinsuranskan disebabkan oleh pendedahan kepada elemen semulajadi, kematian ini tertakluk kepada penyiasatan dan pengesahan dari pihak perundangan yang diiktirafkan.

MENUNGGANG MOTOSIKAL

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Pihak Diinsuranskan ketika menunggang motosikal atau sebagai pembonceng untuk tujuan peribadi atau perniagaan dengan syarat bahawa Syarikat tidak

POLISI INSURANS PERFECT 10 PLUS

akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan yang timbul daripada perlumbaan, menunggang laju atau Pihak Diinsuranskan terlibat dalam sebarang peraduan menunggang laju atau ujian-ujian lain.

MEMBURU

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Pihak Diinsuranskan terhadap kematian atau hilang upaya semasa terlibat dalam memburu, dengan syarat permit / kelulusan / lesen daripada pihak berkuasa berkaitan telah diperolehi dan Pihak Diinsuranskan mempunyai lesen sah di segi undang-undang untuk memiliki dan menggunakan senjata api untuk tujuan memburu sahaja.

MENYELAM SKUBA

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi kematian atau hilang upaya akibat kemalangan untuk Pihak Diinsuranskan semasa terlibat dalam menyelam skuba sebagai seorang amatir.

SESAK NAFAS AKIBAT ASAP, WASAP ATAU GAS BERACUN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini dilanjutkan untuk melindungi Pihak Diinsuranskan terhadap kematian atau hilang upaya akibat sesak nafas secara tidak sengaja oleh Asap, Wasap atau Gas Beracun.

PERLINDUNGAN KEGANASAN

Adalah dengan ini dimaklumkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini akan melindungi kematian dan hilang upaya akibat keganasan tetapi mengecualikan keganasan akibat penggunaan senjata pemusnahan besar-besaran Nuklear, Kimia atau Biologi walau bagaimana sekalipun senjata ini diagihkan atau digabungkan.

Bagi tujuan Klausula ini:

1. Keganasan bermaksud tindakan, atau tindakan oleh mana-mana individu, atau kumpulan individu, tindakan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang sama dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan / atau menakut-nakutkan orang ramai, atau mana-mana kumpulan orang ramai. Keganasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebenar kekuatan atau keganasan dan / atau ancaman untuk menggunakannya. Tambahan lagi, pelaku keganasan boleh sama ada bertindak bersendirian, atau dalam pihak, atau berkait dengan mana-mana organisasi atau kerajaan.
2. Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Nuklear bermaksud menggunakan sebarang senjata atau peranti letupan nuklear atau pelepasan, pengeluaran, penyelerakan, pengagihan atau penyebaran bahan boleh membela yang mengeluarkan paras radioaktif yang berupaya menyebabkan kecacatan hilang upaya atau kematian di kalangan manusia atau binatang.
3. Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Kimia bermaksud pelepasan, pengeluaran, penyelerakan, pengagihan atau penyebaran sebarang bahan kimia, cecair atau gas yang jika diagihkan mengikut kesesuaian, berupaya menyebabkan kecacatan hilang upaya atau kematian di kalangan manusia atau binatang.
4. Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Biologi bermaksud pelepasan, pengeluaran, penyelerakan, pengagihan atau penyebaran sebarang mikroorganisma patogen (yang memberi penyakit) dan / atau toksin yang dihasilkan secara biologi (termasuk organisma yang diubah secara genetik dan toksin yang disintesis kimia) yang berupaya menyebabkan kecacatan hilang upaya atau kematian di kalangan manusia atau binatang.

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut:

1. Bunuh diri (sama ada feloni atau tidak) atau sebarang percubaan sepertinya atau kecederaan diri sendiri, hamil atau melahirkan anak, penyakit kelamin atau tidak siaman, kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau dadah bukan preskripsi pengamal perubatan berkelayakan dan berdaftar, melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang.
2. Pihak Diinsuranskan mengembara dengan menaiki pesawat selain daripada sebagai penumpang yang membayar tiket dengan syarikat penerbangan berdaftar di laluan domestik atau antarabangsa yang berjadual.
3. Pihak Diinsuranskan terlibat dengan:
 - a) luncur air, aktiviti bawah air melibatkan penggunaan alat-alat bantuan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau jurupandu, payung terjun, terjun lelabah, luncur udara, terjun udara, sukan atau permainan profesional, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, tinju atau gusti dan sebarang jenis perlumbaan selain menggunakan kaki.
 - b) menggunakan mesin kerja kayu yang digerakkan oleh kuasa mekanikal.
4. Semua kecacatan fizikal atau mental atau uzur, sebarang jenis sawan, sebarang bentuk sakit, penyakit, virus, jangkitan atau parasit yang sedia ada.
5. Peperangan, penaklukan, tindakan oleh musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, dahagi, rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa.
6. Pengionan, bahan senjata nuklear, pancaran atau pencemaran oleh radioaktif daripada sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Khusus untuk tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran adalah termasuk proses pembelahan nuklear yang dikekalkan sendiri.
7. Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dipanggil.
8. Liabiliti yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan melalui perjanjian melainkan jika liabiliti tersebut memang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan walau apa pun perjanjian tersebut menyatakan.
9. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan kepada sesiapa yang semasa mengalami kecederaan sedang berkhidmat dengan Pihak Diinsuranskan atau untuk tuntutan pampasan dari Pihak Diinsuranskan oleh pihak yang mengalami kecederaan atau orang yang dilindungi di bawah mana-mana Akta Pampasan Pekerja.
10. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan kepada ahli keluarga atau mana-mana ahli keluarga yang tinggal serumah dengan Pihak Diinsuranskan.

POLISI INSURANS PERFECT 10 PLUS

11. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan atau kerosakan harta benda yang dimiliki oleh atau di bawah kuasa atau dalam kawalan oleh Pihak Diinsuranskan atau sesiapa pekerja atau ejen kepada Pihak Diinsuranskan.
12. Liabiliti yang berkaitan dengan kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan atau bertimbul dari:
 - a) Hak milik atau pemilikan atau diguna oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan untuk sebarang haiwan (melainkan seekor anjing atau kucing), semua jenis pesawat udara, kenderaan bermotor, semua jenis kapal bersenjata atau sebarang jenis pesawat.
 - b) Hak milik atau pemilikan atau diguna oleh atau bagi Pihak Diinsuranskan untuk mana-mana bidang tanah atau bangunan.
 - c) Mana-mana pengupahan pekerja atau perniagaan bagi pihak Pemegang Polisi atau apa jua yang ada hubung kait dengannya atau untuk tujuan yang berkaitan.

SYARAT AM

1. TAFSIRAN

Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi atau jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.

2. SYARAT TERDAHULU TERHADAP LIABILITI

Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pemegang Polisi / Pihak Yang Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

3. PIHAK-PIHAK YANG BERKEPENTINGAN

Syarikat, melainkan sebaliknya diberi sokongan yang khusus dalam Polisi ini, layak menganggap Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan sebagai pemilik mutlak Polisi ini dan tidak terikat untuk mengiktiraf mana-mana tuntutan yang saksama atau tuntutan lain kepada atau faedah dalam Polisi dan penerimaan oleh Pemegang Polisi/ Pihak Diinsuranskan atau wakil sah Pihak Diinsuranskan semata-mata akan menjadi discaj yang efektif.

4. KELAYAKAN UMUR

Usia anak mestilah 30 hari hingga 18 tahun atau sehingga 23 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi. Pencadang / suami/isteri berumur 16 tahun sehingga 65 tahun, diperbaharui sehingga 70 tahun.

5. NOTIS

Semua notis yang perlu diberikan oleh Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat mestilah secara bertulis dan dialamatkan kepada Syarikat. Sebarang perubahan dalam terma Polisi ini atau pengendorsan selepas itu dianggap tidak sah melainkan sekiranya dokumen tersebut ditandatangani atau disahkan oleh wakil syarikat yang sah.

6. LIABILITI DIRI

Jika Pihak Diinsuranskan mempunyai dua atau lebih Polisi dengan Syarikat yang melindungi liabiliti diri, had maksima yang ditanggung oleh Syarikat tidak melebihi RM100,000.

7. PEMINDAHAN AUTOMATIK PEMEGANG POLISI

Jika berlaku kejadian kematian ke atas Pemegang Polisi ketika Polisi masih berkuatkuasa, suami /isteri yang sah kepada Pemegang Polisi pada ketika itu adalah juga Pihak yang diinsuranskan dalam Polisi, akan secara automatik menjadi Pemegang Polisi dan semua rujukan dalam Polisi

ini mengenai Pemegang Polisi adalah merujuk kepada suami/isteri yang sah.

8. DUA ATAU LEBIH POLISI INSURANS

Jika berlaku kejadian tuntutan di bawah Faedah 3 (Perbelanjaan Perubatan), Faedah 5 (Liabiliti Diri), Faedah 8 (Perlindungan Kewangan) dan Faedah 9 (Perlindungan Penculikan) di dalam Polisi, jika terdapat Polisi lain, sama ada dengan Kurnia atau syarikat lain yang melindungi risiko yang sama, Syarikat tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih daripada perkadaran yang setimpal dengannya.

9. PERUBAHAN RISIKO

Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis serta-merta kepada Syarikat mengenai perubahan alamat, pekerjaan, negara permastautin, atau sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau keuzuran yang di alami atau diketahui oleh Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan.

10. PERMASTAUTIN DI LUAR NEGARA

Faedah Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal sahaja akan dibayar kepada Pihak Diinsuranskan jika beliau menetap di luar Malaysia melebihi tempoh masa sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

11. SALAH NYATAAN / PENIPUAN

Polisi ini boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan, yang mana Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk Syarikat) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan / atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan atau tanpa niat untuk menipu Syarikat.

12. TUNTUTAN

- a) Jika berlaku apa-apa kemalangan yang mungkin menimbulkan satu tuntutan di bawah Polisi ini, Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan seharusnya segera mendapatkan perkhidmatan pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar dan menjalani sebarang rawatan yang dianggap perlu oleh pengamal perubatan tersebut.
- b) Sebaik sahaja berlakunya sebarang kemalangan yang berkemungkinan akan menimbulkan satu tuntutan di bawah Polisi ini, Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis dalam masa empat belas (14) kalendar hari selepas kejadian kemalangan tersebut kepada Syarikat dengan segala keterangan mengenai kemalangan dan kecederaan itu. Jika berlaku sebarang kemalangan yang berkemungkinan akan menimbulkan satu tuntutan di bawah Polisi ini, Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjaga mana-mana peralatan atau barang sama ada rosak atau tidak berfungsi atau dalam hal lain di mana perlu untuk membuktikan berkenaan dengan tuntutan dan tiada perubahan atau pembaikan yang boleh dibuat pada mana-mana barangan berkenaan dengan atau yang terlibat dalam kemalangan tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada Syarikat.
- c) Semua sijil, resit akaun, maklumat, dokumen dan bukti yang diperlukan oleh Syarikat hendaklah disediakan atas kos Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan atau mana-mana Pihak Menuntut dan hendaklah dalam bentuk dan rupa yang telah ditetapkan oleh Syarikat.
- d) Kematian Pihak Diinsuranskan akan ditentukan melalui Sijil Kematian Rasmi atau sekiranya kehilangan berikutan dengan kemalangan, oleh Mahkamah yang menganggapnya telah mati.

POLISI INSURANS PERFECT 10 PLUS

13. PEMERIKSAAN PERUBATAN

Syarikat berhak jika perlu untuk menjalankan pemeriksaan ke atas Pihak Diinsuranskan semasa tuntutan dibuat dan mempunyai hak untuk membuat autopsi dalam kes kematian di mana ia tidak dilarang di sisi undang-undang.

14. PEMBATALAN POLISI

Syarikat boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis tujuh (7) hari melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamat terakhir yang terkandung dalam Polisi. Syarikat akan memulangkan jumlah pro-rata premium bagi baki tempoh insurans. Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pihak Diinsuranskan pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis tujuh (7) hari kepada Syarikat dan dalam keadaan demikian, Syarikat akan memulangkan premium mengikut jadual kadar jangka pendek Syarikat untuk tempoh Polisi ini yang telah berkuatkuasa dalam tempoh insurans semasa, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat ke atas polisi semasa.

15. SYARAT PENARIKAN BALIK PORTFOLIO

Syarikat berhak untuk mengundurkan portfolio secara menyeluruh jika Syarikat membuat keputusan untuk menghentikan pengunderaitan produk insurans ini. Pembatalan portfolio secara menyeluruh mesti diberi dalam tempoh tiga puluh (30) hari notis secara bertulis oleh Syarikat kepada Pihak Diinsuranskan dan Syarikat akan terus menanggung semua Polisi sehingga tamat Tempoh Masa Insurans/perindungan.

16. PEMBAYARAN

Semua jumlah bayaran sama ada kepada atau dari Syarikat mestilah dalam Ringgit Malaysia.

17. PENIMBANG TARA

Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujukan kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak di dalam pertelingkahan atau jika mereka tidak bersetuju atas seorang Penimbang Tara, ia akan dirujuk kepada dua orang Penimbang Tara yang salah seorang dilantik secara bertulis oleh setiap satu pihak dalam masa satu (1) kalendar bulan selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju dengan Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasuki rujukan mereka. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mendengar mesyuarat mereka dan keputusan mengenai Award akan menjadi syarat-syarat terdahulu sebelum apa-apa hak tindakan dibuat terhadap Syarikat. Jika Syarikat menafikan liabiliti kepada Pemegang Polisi / Pihak Diinsuranskan untuk mana-mana tuntutan berikut dan tuntutan tersebut bukan dua belas (12) kalendar bulan dari tarikh penafian dirujuk kepada Penimbang Tara bawah peruntukan yang terkandung di sini maka tuntutan bagi segala tujuan akan dianggap telah dihentikan dan seterusnya tidak akan diperolehi semula mengikut Polisi ini.

18. PENGELASAN UNDANG-UNDANG

Pampasan yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak akan diguna pakai atau termasuk:

- pampasan untuk kerugian bagi perundingan yang bukan ditafsirkan atau ditentukan daripada Mahkamah yang berkuatkuasa mengikut undang-undang Mahkamah Malaysia.
- kos dan perbelanjaan litigasi yang diperolehi oleh pihak yang menuntut daripada Pihak Yang Diinsuranskan yang tidak ditanggung dan boleh diperolehi di Malaysia.

19. TEMPOH INSURANS DAN SYARAT PEMBAHARUAN

Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun melalui persetujuan antara Pemegang Polisi dan Syarikat tertakluk kepada semakan semula pada Ulang Tahun Polisi iaitu setahun selepas tarikh kuatkuasa Polisi dan setiap tahun berikutnya. Polisi ini tidak boleh diperbaharui dalam keadaan berikut:

- premium tidak dibayar, atau
- Pihak Diinsuranskan serta suami/isteri yang sah telah meninggal dunia, atau
- Syarikat telah membayar jumlah pampasan 100% atas faedah Hilang Upaya Kekal kepada Pemegang Polisi dan suami/isteri yang sah.
- Pihak Diinsuranskan telah mencapai had umur yang tertera dalam Polisi.

20. PEMEGANG PERMIT KERJA DI MALAYSIA

Jika Pihak yang Diinsuranskan adalah pemegang permit kerja di Malaysia, Polisi ini akan dibatalkan secara automatik jika permit beliau telah luput atau telah dibatalkan oleh pihak berkuasa. Syarikat akan memulangkan premium bagi baki tempoh insurans.

FASAL DAN PENGENDORSAN

dilampirkan dan dibacakan sebagai sebahagian daripada Polisi

(tidak boleh dikaitkan kecuali dinyatakan di dalam Jadual

PERUNTUKAN KHAS UNTUK ARAHAN PEMBAHARUAN AUTO

Akaun Calonan bermaksud akaun yang dicalonkan oleh Pemegang Polisi dalam Borang Arahan Pembaharuan Auto, atau melalui arahan bertulis oleh Pemegang Polisi, di mana premium untuk Polisi ini akan didebitkan atau dicajkan.

Premium

- Premium yang dinyatakan dalam Polisi patut dibayar pada tarikh kuatkuasa Polisi. Jika dibayar secara tahunan, dibayar pada setiap ulang tahun Polisi dan jika dibayar pada setiap bulan, pembayaran adalah pada tarikh yang sama bagi bulan yang berikutnya. Jika pada bulan tersebut di mana premium sepatutnya dibayar, tidak mempunyai tarikh yang sama seperti bulan sebelum ini, maka premium akan dibayar pada hari terakhir pada bulan tersebut.
- Premium akan dicajkan pada Akaun Calonan Pemegang Polisi bila tiba tempoh masa bayaran.
- Pembayaran premium akan memperbaharui polisi secara automatik. Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan dan Polisi yang sedia ada merupakan bukti kesahihan perlindungan.

Pembatalan Secara Automatik

- Polisi ini akan dibatalkan secara automatik bila terdapat arahan untuk pembatalan ke atas Akaun Calonan Pemegang Polisi di mana premium untuk Polisi akan didebitkan.
- Premium tidak dibayar pada tempoh masa yang ditetapkan.

POLISI INSURANS PERFECT 10 PLUS

NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika Polisi/ perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Syarikat, boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:
 - (a) Unit Pengendalian Aduan
AmGeneral Insurance Berhad
Menara Shell
No. 211, Jalan Tun Sambanthan
50470 Kuala Lumpur
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur
50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2268 3333
Faks : +603-2268 2222
 - (b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577
 - (c) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Tingkat Bawah, Blok C
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1300 88 5465
Faks : +603-2174 1515